



KURSUS TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA (TITAS) SEBAGAI MEDIUM PEMBENTUKAN TOLERANSI ETNIK DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS): SATU ANALISIS KEPERLUAN

*ISLAMIC CIVILISATION AND ASIAN CIVILISATION (TITAS) COURSE AS A
MEDIUM FOR THE INculcation OF ETHNIC TOLERANCE IN UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH: A NEEDS ANALYSIS*

Habibah @ Artini Ramlie^{1*}, Norshahrul Marzuki Mohd Nor²

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: habibah_artini@ums.edu.my

² Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.04.2020

Revised date: 06.05.2020

Accepted date: 07.05.2020

Published date: 05.06.2020

To cite this document:

Ramlie, H. A., & Nor, N. M. M. (2020). Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Sebagai Medium Pembentukan Toleransi Etnik di Universiti Malaysia Sabah (UMS): Satu Analisis Keperluan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (35), 81-91.

DOI: 10.35631/IJEPC.535009.

Abstrak:

Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia atau TITAS ditawarkan sebagai kursus wajib di institusi pengajian tinggi (IPT) untuk mendedahkan para mahasiswa tentang sejarah perkembangan ketamadunan dunia dan Nusantara. Ia seterusnya bertujuan mewujudkan toleransi etnik di kalangan mahasiswa dalam kepelbagaiannya yang ada bersesuaian dengan konteks Malaysia yang berbilang kaum, etnik dan agama. Kajian ini dijalankan untuk meninjau keberkesanan kursus TITAS di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai medium pembentukan toleransi etnik serta mengenalpasti keperluan kursus TITAS diteruskan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS sebagai kursus liberal. Kaedah tinjauan menerusi borang soal selidik diadaptasi bagi menjawab objektif kajian dengan penglibatan seramai 475 orang mahasiswa yang telah mengambil kursus TITAS semasa berada pada tahun pertama pengajian. Dapatan kajian diperihalkan secara deskriptif dan kajian ini mencadangkan agar penawaran kursus TITAS diteruskan di PPIB, UMS bagi melestarikan sumbangan TITAS sebagai medium pembentukan toleransi etnik dalam kalangan mahasiswa.

Kata Kunci:

Tamadun Islam Dan Tamadun Asia, Toleransi Etnik, Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Abstract:

The Islamic Civilisation and Asian Civilisation (TITAS) course is offered as a compulsory subject in Malaysian institutions of higher learning (IHL) to expose undergraduates to world and regional civilisation history. In addition, it is aimed at inculcating ethnic tolerance among university students in aspects of diversity relevant to the context of Malaysia with its diverse races, ethnicities and religions. This study sought to investigate the effectiveness of the TITAS course in Universiti Malaysia Sabah (UMS) as a medium for the inculcation of ethnic tolerance and also to identify the necessity of continuing to offer TITAS as a liberal course in the Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning (PPIB) in Universiti Malaysia Sabah (UMS). The survey method was utilised and a questionnaire which had been adapted to suit the research objectives administered to 475 undergraduates enrolled in the TITAS course during their first year of studies. Descriptive analysis of the findings suggested that TITAS should be continued in PPIB so as to maintain its role as a medium for the inculcation of ethnic tolerance among undergraduates.

Keywords:

Islamic Civilisation and Asian Civilisation, ethnic tolerance, Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Pengenalan

Penawaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia atau TITAS sebagai kursus wajib di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada demi mewujudkan insan seimbang dan harmonis dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), kursus TITAS dikendalikan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB). PPIB ditubuhkan pada tahun 1994 untuk merealisasikan visi dan misi UMS iaitu melahirkan mahasiswa yang berketrampilan dan seimbang dalam semua bidang ilmu pengajian menerusi penawaran kursus-kursus teras universiti (Adam, 2005). Penawaran kursus di PPIB dikelompokkan dalam beberapa gugusan iaitu Gugusan Wajib Universiti (GWU), Gugusan Pengajian Liberal (GPL), Gugusan Bahasa Inggeris serta Gugusan Bahasa Tempatan dan Bahasa Asing. Kursus TITAS berada di bawah GWU bersama dengan Kursus Hubungan Etnik (HE) serta Kursus Asas Pengajian Keusahawanan (APK). Pengelompokan kursus TITAS dalam GWU merupakan salah satu wadah ke arah merealisasikan aspirasi pembinaan jati diri dan negara bangsa dalam kalangan mahasiswa (<https://www.ums.edu.my/ppib/>).

Latar Belakang Kajian

Kursus TITAS mempunyai keunikan tersendiri berdasarkan isi dan struktur kandungan kursus yang sangat bermanfaat dalam membentuk potensi diri mahasiswa secara menyeluruh dan bersepada dalam aspek ilmu pengetahuan. Kerelevan kursus TITAS dalam membentuk toleransi etnik pada diri mahasiswa boleh dilihat menerusi pembahagian topik-topik utama

dalam kandungan kursus. Ia dimulakan dengan Pengenalan Ilmu Ketamadunan dan diikuti dengan kupasan tentang Tamadun Islam, Tamadun Melayu, Tamadun India, Tamadun Cina serta Isu-Isu Semasa Ketamadunan (*Sinopsis Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia UW 00202, 2020*). Jadual 1 merupakan kandungan kursus TITAS.

Jadual 1: Kandungan Kursus TITAS

Bab	Topik	Senarai Kandungan
1	Pengenalan Ilmu Ketamadunan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pengajian ketamadunan dan sejarah tamadun ➤ Takrif dan ciri tamadun ➤ Kepercayaan, agama dan tamadun ➤ Hubungan antara tamadun, agama, bangsa dan budaya ➤ Kelahiran, perkembangan dan kemerosotan tamadun ➤ Persamaan dan perbezaan antara tamadun ➤ Interaksi antara tamadun ➤ Dialog antara tamadun
2	Tamadun Islam	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pandangan semesta tamadun Islam ➤ Konsep tamadun Islam ➤ Sumber tamadun Islam ➤ Asas tamadun Islam ➤ Kelahiran, perkembangan dan kemerosotan tamadun Islam ➤ Prinsip dan matlamat tamadun Islam ➤ Ciri-ciri keistimewaan Islam ➤ Sumbangan tamadun Islam kepada tamadun dunia ➤ Jihad dalam Islam
3	Tamadun Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Konsep Melayu ➤ Sejarah pembentukan tamadun Melayu ➤ Asas-asas tamadun Melayu ➤ Pandangan semesta tamadun Melayu ➤ Pencapaian dan sumbangan ➤ Tamadun Melayu dalam pembinaan tamadun Malaysia
4	Tamadun India	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Konsep dan takrif ➤ Definisi, ciri dan wilayah ➤ Masyarakat dan budaya ➤ Bahasa dan budaya India ➤ Pandangan semesta tamadun India ➤ Kepelbagai agama dalam tamadun India ➤ Peranan Islam dalam tamadun India ➤ Pencapaian dan sumbangan
5	Tamadun China	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Konsep dan takrif ➤ Definisi, ciri dan wilayah ➤ Masyarakat dan budaya ➤ Bahasa dan budaya Cina ➤ Pandangan semesta tamadun China ➤ Kepelbagai falsafah dan agama dalam tamadun China ➤ Institusi politik dan sistem pemerintahan ➤ Pencapaian dan sumbangan

6	Isu-Isu Semasa Ketamadunan	<ul style="list-style-type: none">➤ Dialog peradaban➤ Hegemoni barat➤ Islam dan Hak Asasi Manusia➤ Konsep jihad dalam Islam➤ Globalisasi➤ Islam dan alam sekitar
---	----------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Sumber : Sinopsis Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia UW 00202

Keistimewaan kandungan kursus TITAS boleh dilihat menerusi penerapan toleransi etnik dalam perbincangan mengenai perkembangan tamadun-tamadun besar yang menaungi sejarah asal etnik-etnik utama di negara ini. Para mahasiswa didedahkan dengan latar belakang setiap tamadun menerusi kupasan terperinci dalam setiap bab untuk memupuk kesefahaman agama, bangsa dan juga budaya sesebuah tamadun tersebut. Pengetahuan mengenai sejarah ketamadunan ini secara tidak langsung membuka ruang kepada mahasiswa untuk menghargai kehebatan peradaban lampau serta mencetuskan sikap saling menghormati terhadap peradaban bangsa lain.

Topik Pengenalan Ilmu Ketamadunan, Tamadun Islam, Tamadun Melayu, Tamadun Cina dan Tamadun India dalam kursus TITAS juga begitu berkaitrapat dengan sejarah perkembangan etnik di Malaysia lantas menjadikan kursus ini begitu relevan dengan mahasiswa kerana kandungannya berkisar tentang sejarah peradaban etnik masing-masing. Hal ini memupuk semangat jati diri sebagai bangsa Malaysia yang mampu bertoleransi dengan baik serta saling menghargai antara satu sama lain di samping menyumbang kesedaran dalam diri mahasiswa mengenai kepentingan nilai-nilai bersama dan toleransi etnik sebagai faktor keharmonian masyarakat. Selain itu, kandungan kursus TITAS turut menyumbang kepada pembentukan akhlak dan hati budi mahasiswa menerusi penetapan nilai-nilai ketamadunan yang membantu membentuk hati budi mahasiswa agar tidak terhakis oleh kuasa-kuasa anti tamadun zaman kontemporari (Che Husain & Abdul Kadir, 2012).

Lebih mengujakan, kajian Mohd Nasir, Abdul Ghani, Salamat & Hussin (2018) menunjukkan majoriti mahasiswa di sebuah IPT swasta bersetuju bahawa matapelajaran TITAS memberi impak yang positif dalam kehidupan mereka khususnya dari segi pembentukan sahsiah diri. Kandungan kursus TITAS di IPT swasta menurut kajian Yaacob & Ahmad (2019) juga kian ditambahbaik. Contohnya di Universiti Sunway Malaysia, program aktiviti luar bilik kuliah iaitu Program Interaksi dan Integriti (2ICAMP) diterapkan kepada pelajar yang mengikuti kursus TITAS. Melalui program yang telah dijalankan sejak tahun 2014 ini, pelajar dapat menerokai keunikan kepelbagaiannya budaya dan etnik di Malaysia dengan lebih meluas, meningkatkan kerja berpasukan dan toleransi antara lain serta menanamkan kemahiran komunikasi dan interaksi di kalangan mahasiswa pelbagai kaum dan budaya. Selain itu, Program Campuran 2I juga digunakan sebagai modul alternatif untuk membolehkan mahasiswa bergaul dengan mahasiswa lain yang berbeza agama dan kaum melalui modul kursus tamadun secara sistematik yang memberikan implikasi positif dalam membina keperibadian mahasiswa berkualiti.

Kajian Hussin (2016) juga mendapati pembelajaran kursus TITAS membawa kesan yang positif kepada mahasiswa bukan Islam di Institut Pendidikan Guru (IPG). Kajian tersebut mencadangkan agar kursus TITAS diteruskan di IPG di seluruh Malaysia dengan beberapa penambahbaikan untuk mengurangkan Islamofobia dalam kalangan mahasiswa bukan Islam

khususnya dalam aspek jihad, hudud, faktor menukar agama, larangan-larangan dalam Islam serta faktor budaya. Dalam aspek komunikasi sosial yang merupakan tunjang toleransi, kajian Ab. Halim, Othman, Mohd Yusof, Ab. Majid & Azri (2020) turut mendapati kursus TITAS telah membuka ruang komunikasi sosial antara pelajar dan komuniti menerusi platform MOOC (*Massive Open Online Courses*) yang diperkenalkan dalam kursus TITAS sebagai sumber pengajaran. Ringkasnya, mengambilkira aspek bahawa mahasiswa adalah pemimpin masa hadapan yang mencorakkan hubungan etnik (Muslim, Idris, Ibrahim, Abdul Latiff, Yunos, Mansor & Abdul Khafiz, 2016) menjadikan kajian ini begitu signifikan dan amat relevan untuk dilaksanakan kerana ia memberi nilai tambah kepada kajian-kajian sedia ada berhubung kursus TITAS. Kajian yang memfokuskan kerelevanannya kursus TITAS dalam memupuk toleransi etnik ini turut lebih bersifat global dalam konteks Malaysia.

Permasalahan Kajian

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan pembinaan sahsiah mahasiswa. Tidak hanya memfokuskan kemahiran dan ilmu teori, pendidikan seimbang dengan elemen pembentukan sahsiah dan jati diri dijadikan salah satu aspirasi penting dalam membentuk belia Malaysia. Dalam aspek ‘Identiti Nasional’, graduan diharatkan untuk memiliki jatidiri kebangsaan serta memahami aspirasi negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Justeru pendidikan peringkat pengajian tinggi sepatutnya berjaya menyatukan mahasiswa atau mencipta perpaduan di kalangan mereka. Tetapi realiti yang berlaku adalah sebaliknya. Masalah polarisasi kaum wujud di kalangan mahasiswa kerana majoriti mahasiswa mempunyai sentimen perkauman yang tinggi. Para mahasiswa lebih suka bergaul dengan kaum sendiri dalam segala perkara ekoran dari proses sosialisasi yang dilalui sebelum memasuki alam kampus (Mohd Noor, Abdul Azizi, & Iskandar Lee, 2006). Hal ini mungkin didorong oleh prasangka dan sikap permusuhan tidak rasional yang ditunjukkan oleh seseorang terhadap satu kelompok etnik. Dalam konsep pendidikan, fenomena ini tercetus apabila seseorang mempunyai pengalaman negatif dengan individu berlainan etnik akibat masalah dan permusuhan yang berlaku di sekolah atau institusi pengajian tinggi sehingga merencatkan emosi dan kepercayaan terhadap etnik tersebut (Saleh, Rameli, Abdullah & Rahman, 2019). Situasi ini begitu menimbulkan keresahan apabila kajian menunjukkan kepentingan etnik adalah segala-galanya bagi kaum-kaum yang ada di negara ini berbanding kepentingan nasional (Abdullah, 2010). Semangat patriotisme di kalangan mahasiswa bukan Melayu juga hanya berada pada tahap sederhana dan tidak sampai ke tahap yang menyerlah dan membanggakan (Ku Samsu & Mohd Nor, 2009).

Kajian Muslim et al. (2016) tentang persepsi mahasiswa universiti terhadap hubungan etnik seterusnya membuktikan persepsi mahasiswa terhadap hubungan etnik dipengaruhi oleh faktor-faktor etnik, agama, aliran pendidikan sekolah rendah serta menengah kerana ia membangkitkan orientasi, nilai, sikap dan sosiologi budaya dalam sesebuah etnik. Oleh itu, perbezaan ketara dalam faktor-faktor ini menjadikan hubungan etnik di kampus adalah satu agenda yang patut diberi keutamaan oleh pihak pengurusan universiti. Walaupun kajian Mustapha, Azman, Karim, Ahmad & Lubis (2009) serta kajian Sulaiman (2013) menunjukkan toleransi etnik antara kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi semakin positif, masih terdapat segelintir mahasiswa yang belum dapat menyesuaikan diri dengan rakan berlainan etnik ekoran sikap mahasiswa itu sendiri yang tidak pernah bergaul dengan etnik lain dan bertanggapan negatif terhadap rakan berlainan etnik (Ab Rahman, Abd Rahman, Ahmad, Nordin, Mahmud, Shaari & Abdul Wahab, 2011). Memburukkan keadaaan, wujud dakwaan

kursus TITAS tidak wajar dijadikan mata pelajaran wajib kepada mahasiswa bukan Islam kerana mendaratkan masalah khususnya kepada mereka yang tidak pernah mengikuti sistem pendidikan di Malaysia ekoran bahasa pengantar di kebanyakan sekolah di Malaysia adalah bahasa Melayu (John, Abu Bakar, Mat Nayan, Mohamed Rosli & Abd Rashid, 2017). Isu juga pernah timbul apabila para pensyarah yang mengajar kursus TITAS didakwa memburuk-burukkan agama etnik lain (Ashaari & Khushairi, 2019).

Bagaimanapun hakikat kesignifikan penawaran kursus TITAS berbanding kursus lain dalam membentuk toleransi etnik dalam kalangan mahasiswa sememangnya tidak dapat dinafikan. Ia dinyatakan dengan jelas dalam sinopsis kursus TITAS yang ditawarkan di PPIB yang antara lain bertujuan untuk menyemai sikap toleransi, memupuk persefahaman serta hormat menghormati antara kaum, budaya, agama dan kepercayaan dalam kalangan masyarakat Malaysia (*Sinopsis Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia UW 00202*, 2020). Perkara ini turut ditegaskan oleh Prof. Dr. Zaid Ahmad selaku Pengurus Jawatankuasa Induk Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Mohad, Mohd Mokhtar, Ag Basir & Putung (2015) yang menyatakan:

'Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) yang diperkenalkan di seluruh universiti awam dan diikuti universiti swasta di Malaysia mempunyai tujuan besar. Sebagai sebuah masyarakat majmuk yang cukup rencam, masyarakat Malaysia memerlukan pendidikan dan kefahaman tentang peranan dan fungsi yang perlu dimainkan oleh setiap warga negara dalam memupuk keharmonian. Hal ini dapat disuburkan melalui kefahaman dan dialog antara kaum yang pelbagai. Dialog yang sihat secara langsung dapat memupuk persefahaman antara masyarakat berbilang etnik, agama dan budaya dalam negara ini.'

Berpandukan matlamat ini, kajian Saili, Mohd Hussain & Mat Karim (2018) mencadangkan agar dialog antara etnik dijadikan platform untuk meningkatkan hubungan sosial dalam kalangan mahasiswa kerana ia sangat mustahak. Masyarakat Malaysia pastinya tidak mengingini konflik 13 Mei 1969 berulang kembali yang antara lain turut berpunca dari pemisahan budaya etnik yang berbeza dari sudut bahasa, agama mahupun cara hidup (Wan Husin, 2012). Kefahaman terhadap budaya dan agama lain serta konsep perkongsian kuasa juga akan dapat mengeratkan hubungan etnik dan seterusnya mampu memupuk perpaduan kaum di Malaysia (Muslim et al., 2016). Realiti ini menjadikan kursus TITAS amat penting dan relevan dalam usaha melahirkan mahasiswa yang mampu memahami, menerima dan berupaya mengurus kepelbagaian dalam lingkungan masyarakat Malaysia.

Namun begitu, Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil. 14/2019 pada 12 Jun 2019 telah memutuskan agar Kursus Falsafah dan Isu Semasa ditawarkan kepada semua mahasiswa di IPT sebagai kursus wajib menggantikan kursus TITAS yang dilaksanakan sejak tahun 1998. Penawaran kursus ini adalah berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara serta Objektif Strategik 2.4 Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019-2023 yang menekankan aspek hubungan antara manusia serta implikasi terhadap persekitaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Walaupun penawaran kursus Kursus Falsafah dan Isu Semasa dilihat sebagai suatu kesinambungan dalam usaha memupuk toleransi etnik kerana bertujuan untuk memupuk penghayatan falsafah, nilai dan sejarah, langkah kerajaan memperkenalkan kursus berkenaan bagi menggantikan kursus TITAS dilihat sebagai sesuatu yang boleh mengurangkan impak keberkesanan pembentukan toleransi etnik di kalangan mahasiswa. Justeru persoalan yang

timbul di sini adalah sejaumanakah keberkesanan kursus TITAS di UMS sebagai medium toleransi etnik dan sejauhmanakah keperluan kursus TITAS diteruskan di PPIB, UMS?

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesignifikan kursus TITAS sebagai medium pembentukan toleransi etnik dalam kalangan mahasiswa di UMS. Oleh itu, objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Meninjau keberkesanan kursus TITAS di UMS sebagai medium toleransi etnik.
- ii. Mengenalpasti keperluan kursus TITAS diteruskan sebagai kursus liberal di PPIB, UMS.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian analisis keperluan berbentuk tinjauan menerusi borang soalselidik dalam bentuk '*google form*'. Soal selidik tersebut diedarkan secara talian kepada mahasiswa UMS yang pernah dan sedang mengambil kursus TITAS. Sampel kajian dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan memfokuskan kriteria dikehendaki iaitu para mahasiswa yang telah mengambil kursus TITAS semasa berada pada tahun pertama pengajian. Teknik persampelan kebarangkalian (*probability sampling*) diadaptasi dan semua mahasiswa yang pernah mengikuti kursus TITAS mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian. Dapatan yang diperolehi diperihalkan dalam bentuk deskriptif. Oleh kerana kursus TITAS yang merangkumi topik Pengenalan Ilmu Ketamadunan, Tamadun Islam, Tamadun Melayu, Tamadun Cina dan Tamadun India berkaitrapat dengan aspek toleransi etnik di Malaysia, 15 item dibentuk berpandukan kajian oleh Mustapha et al. (2009) manakala tiga item terakhir adalah berkaitan pelestarian kursus TITAS di UMS.

Perbincangan Dapatan Kajian

Seramai 475 orang mahasiswa telah memberikan maklumbalas masing-masing dalam soal selidik yang disediakan. 70.7% (336 orang) terdiri dari responden perempuan manakala 29.3% (139 orang) merupakan responden lelaki. Bagi taburan kaum yang mengambil bahagian dalam kaji selidik ini, 60.8% (289 orang) adalah Bumiputera Sabah, 20.2% (96 orang) responden adalah kaum Melayu, 7.6% (36 orang) Bumiputera Sarawak, 4.0 % (19 orang) adalah responden kaum Cina, 3.4% (16 orang) kaum India manakala 4.0% (19 orang) adalah lain-lain. Analisis setiap item ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Analisis Item

Bil	Item	Skala	
		Setuju	Tidak Setuju
1	Mempelajari TITAS membolehkan saya ...	469 (98.74%)	6 (1.26%)
2	Mengubah persepsi saya terhadap etnik lain dalam bentuk yang lebih positif	465 (97.89%)	10 (2.11%)
3	Berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan berlainan etnik	460 (96.84%)	15 (3.16%)
4	Diterima dalam kumpulan berlainan etnik	458 (96.42%)	17 (3.58%)
5	Menyuburkan semangat toleransi dan saling menghormati antara rakan pelbagai etnik	464 (97.68%)	11 (2.32%)

Mempelajari TITAS menjadikan saya ...		Setuju	Tidak Setuju
1	Bukan hanya meminta pertolongan rakan-rakan dari etnik yang sama apabila memerlukan bantuan	459 (96.63%)	16 (3.37%)
2	Selesa bergaul dengan rakan-rakan berlainan etnik	465 (97.89%)	10 (2.11%)
3	Mempunyai kesedaran sosial yang tinggi terhadap rakan berlainan etnik	468 (98.53%)	7 (1.47%)
4	Berbangga menjadi rakyat Malaysia	466 (98.11%)	9 (1.89%)
5	Merasakan perkahwinan antara etnik mengukuhkan integrasi	456 (96.00%)	19 (4.00%)
6	Tidak mempunyai masalah jika etnik saya berkahwin dengan etnik lain	459 (96.63%)	16 (3.37%)
Mempelajari TITAS memberikan peluang kepada saya untuk ...		Setuju	Tidak Setuju
1	Terlibat dengan aktiviti budaya dan sosial etnik lain	452 (95.16%)	23 (4.84%)
2	Melakukan aktiviti bersama rakan-rakan berlainan etnik dengan gembira	464 (97.68%)	11 (2.32%)
3	Membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan berlainan etnik dengan selesa	466 (98.11%)	9 (1.89%)
4	Bersikap terbuka dengan rakan-rakan berlainan etnik sejak mula-mula memasuki universiti	463 (97.47%)	12 (2.53%)
Signifikan Penawaran Kursus Titas		Setuju	Tidak Setuju
1	Kursus TITAS membuka ruang yang luas kepada mahasiswa untuk saling kenal-mengenali antara satu sama lain	463 (97.47%)	12 (2.53%)
2	Kursus TITAS mendatangkan manfaat sosial kepada mahasiswa dalam aspek toleransi etnik	465 (97.89%)	10 (2.11%)
3	Kursus TITAS wajar diteruskan di UMS	457 (96.21%)	18 (3.79%)

Berpandukan analisis item dalam Jadual 2, pelaksanaan kursus TITAS di UMS ternyata telah membolehkan responden menghormati kepercayaan dan budaya rakan berlainan etnik (98.74%), mengubah persepsi responden terhadap etnik lain dalam bentuk yang lebih positif (97.89%), membolehkan responden berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan berlainan etnik (96.84%), membolehkan responden diterima dalam kumpulan berlainan etnik (96.42%) dan menyuburkan semangat toleransi dan saling menghormati antara rakan pelbagai etnik (97.68%). Kursus TITAS juga menjadikan responden bukan hanya meminta pertolongan rakan-rakan dari etnik yang sama apabila memerlukan bantuan (96.63%), sebaliknya ia menjadikan responden selesa bergaul dengan rakan-rakan berlainan etnik (97.89%), mempunyai kesedaran sosial yang tinggi terhadap rakan berlainan etnik (98.53%), berbangga menjadi rakyat Malaysia (98.11%), merasakan perkahwinan antara etnik mengukuhkan integrasi (96.0%) serta tidak mempunyai masalah dengan perkahwinan antara etnik (96.63%).

Di samping itu, pelaksanaan kursus TITAS turut memberikan peluang kepada responden untuk terlibat dengan aktiviti budaya dan sosial etnik lain (95.16%), melakukan aktiviti bersama rakan-rakan berlainan etnik dengan gembira (97.68%), membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan berlainan etnik dengan selesa (98.11%) serta bersikap terbuka dengan rakan-rakan berlainan etnik sejak mula-mula memasuki universiti (97.47%) (kerana kursus TITAS ditawarkan semasa mahasiswa UMS berada dalam tahun pertama pengajian). Majoriti responden turut bersetuju dengan penawaran kursus TITAS kerana ia membuka ruang yang luas kepada mahasiswa untuk saling kenal-mengenali antara satu sama lain (97.47%) di samping mendatangkan manfaat sosial kepada responden dalam aspek toleransi etnik (97.89). Seramai 96.21% responden juga bersetuju kursus TITAS wajar diteruskan di UMS.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan kesemua 18 item yang diutarakan mencapai aras persetujuan yang tinggi di kalangan responden dengan nilai melebihi 95%. Ini membuktikan kerelevan kursus TITAS yang sangat membanggakan dalam membentuk interaksi sosial serta nilai-nilai murni yang positif dalam kalangan mahasiswa. Walaupun terdapat minoriti responden (3.79%) memilih untuk tidak bersetuju kursus TITAS diteruskan di UMS, namun ia bertentangan dengan dapatan positif daripada 96.21% responden lain yang menunjukkan kursus ini wajar diteruskan di UMS atas keperluan serta kepentingan lain yang telah dinyatakan. Justeru kepentingan kursus TITAS sebagai kursus wajib serta medium pembentukan toleransi etnik di universiti tidak seharusnya dipandang rendah memandangkan kursus TITAS wajib diikuti oleh semua mahasiswa di IPT (Che Husain, Kassim, Mat Noor, Abdul Azzis & Abdullah, 2018). Meskipun Malaysia belum pernah mencatatkan masalah pertelingkahan etnik yang serius pada peringkat pengajian tinggi, namun atas pembentukan toleransi etnik yang harmoni perlu diperkuuhkan agar ia sebatی dalam diri mahasiswa bagi membentuk jati diri sebagai rakyat Malaysia yang cintakan perdamaian dan keharmonian. Hal ini diakui oleh kajian Saleh et al. (2019) yang menekankan betapa pentingnya interaksi dan komunikasi yang baik sebagai salah satu bentuk amalan penyatuan etnik untuk membentuk kelompok masyarakat berpendidikan yang muafakat.

Kursus TITAS juga memberi manfaat serta pengetahuan tentang sejarah selain mendidik mahasiswa tentang akhlak, tingkah laku dan adab dalam kehidupan. Hal ini kerana dalam dunia global yang kini semakin kompleks, masyarakat tidak mempunyai pilihan melainkan sentiasa saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Ini amat bertepatan dengan isu yang dibangkitkan dalam kajian ini bila mana segelintir pihak melontarkan persoalan tentang kerelevan ilmu ketamadunan dalam pembentukan sahsiah mahasiswa di IPT pada era ini. Kursus ini juga jelas tidak boleh dijadikan satu perkara sampingan sebaliknya perlu dilihat sebagai satu kursus yang mesti dilaksanakan secara serius dan berkesan kerana ia begitu berkaitrapat dengan aspek nilai dan kemanusiaan dalam membina jati diri bangsa (Osman, 2010). Dengan kata lain, kursus TITAS adalah satu wahana yang ampuh dalam usaha memupuk pembentukan sahsiah serta toleransi etnik di kalangan mahasiswa. Ia bersesuaian dengan saranan penulisan Wan Husin (2012) dan kajian Ab. Majid, Talib, Darshan Singh & Ahmad (2016) yang menekankan kepentingan aspek pendidikan sebagai asas dalam mengharmonikan toleransi etnik antara kaum di negara ini. Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian serta perbincangan dalam kajian-kajian sebelum ini, pengkaji mencadangkan agar kursus TITAS diteruskan di UMS bagi melestarikan sumbangan TITAS sebagai medium pembentukan toleransi etnik dalam kalangan mahasiswa.

Kesimpulan

Kajian analisis keperluan ini menunjukkan bahawa walaupun kursus TITAS ‘digugurkan’ dari Gugusan Wajib Universiti (GWU) UMS selaras dengan arahan kementerian, kursus ini wajar dikekalkan untuk terus ditawarkan di UMS sebagaimana yang diakui oleh para mahasiswa. Ia boleh diteruskan di bawah seliaan Gugusan Pengajian Liberal (GPL) yang merupakan salah satu dari cabang gugusan kursus di PPIB, UMS meskipun sudah tidak diletakkan di bawah seliaan GWU. Berbekalkan kepakaran pensyarah sedia ada serta silibus kursus yang telah diperakui, para mahasiswa perlu diberi peluang untuk terus mendalami kandungan serta menghayati matlamat kursus ini kerana kesignifikan kursus TITAS dalam membentuk toleransi etnik di kalangan mahasiswa terbukti telah memupuk kesedaran nilai yang menyatakan mahasiswa meskipun datang dari pelbagai latar belakang agama dan budaya yang berbeza.

Rujukan

- Ab Rahman, H., Abd Rahman, H., Ahmad, N., Nordin, N.A., Mahmud, N., Shaari, R., & Abdul Wahab, S.R. (2011). Kajian Tinjauan Hubungan Etnik dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Kampus Johor Baharu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *Jurnal Teknologi*, 54, 65-76.
- Ab. Halim, A., Othman, N., Mohd Yusof, A.N., Ab. Majid, A., & Azri, N. (2020). Keberkesanan MOOC TITAS dalam Pembentukan Sikap Mahasiswa Universiti Awam. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2 (1), 40-48.
- Ab. Majid, A., Talib, A.T., Darshan Singh, S.S., & Ahmad, Z. (2016). Kesan Kerjasama dalam Aktiviti Berkumpulan Terhadap Kualiti Perhubungan Pelajar Berbilang Etnik di Universiti Putra Malaysia, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3 (1).
- Abdullah, M.R.T. (2010). Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia : Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3, 61-84.
- Adam, A. (2005). Universiti: Antara Pendemokrasian dan Kecemerlangan. Dalam Ahmat Adam (peny.) *Kenang-Kenangan Sepuluh Tahun Universiti Malaysia Sabah*. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.
- Ashaari, M.F. & Khushairi, M.A. (2019). Isu-isu Agama dalam Hubungan Antara Kaum di Malaysia 1980-2005. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2 (1), 87-98.
- Che Husain, F., & Abdul Kadir, F. (2012). Sumbangan Pengajian Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Terhadap Pembentukan Hati Budi Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7 (1), 15-35.
- Che Husain, F., Kassim, F., Mat Noor, N.A., Abdul Azzis, M.S., & Abdullah, M.S. (2018). Pelaksanaan dan Persepsi Pelajar Terhadap Strategi Pembelajaran dan Kemahiran Insaniah dalam Kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Malaya. *Sains Insani*, 74-83.
- Hussin, A. (2016). Islamofobia dalam Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dalam Kalangan Mahasiswa Non-muslim Institut Pendidikan Guru (IPG). Tesis Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Kelantan.
- John, A.A., Abu Bakar, A.R., Mat Nayan, L., Mohamed Rosli, N.E.H., & Abd Rashid, N. (2016). Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Faktor Pengaruh Persekutuan Ke Atas Sikap dan Motivasi Pelajar Bukan Islam. *Sains Insani*, 7-11.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (Jabatan Pendidikan Tinggi) (2019). Surat Siaran Pelaksanaan Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Penghayatan Etika dan Peradaban di Institusi Pendidikan Tinggi bertarikh 15 Ogos 2019.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Ringkasan Eksekutif: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya, Malaysia.
- Ku Samsu, K.H. & Mohd Nor, M.H. (2009). Semangat Patriotisme dalam Kalangan Mahasiswa Bukan Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Sekitar Lembah Klang. *Akademika* 75, 85-100.
- Mohad, A. H., Mohd Mokhtar, R.A., Ag Basir, D.H., & Putung, S.H (peny). (2015). *Modul Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Selangor: SASBADI.
- Mohd Nasir N.F., Abdul Ghani, F., Salamat, M., & Hussin, S. (2018). Kajian Kerelevan Pendidikan Ketamadunan (Subjek Matapelajaran Umum: Tamadun Islam dan Tamadun Asia - TITAS) di Salah Sebuah Universiti Swasta, Selangor. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (18), 46-54.
- Mohd Noor, M., Abdul Azizi, A.R., & Iskandar Lee, M.A. (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Muslim, N., Idris, F., Ibrahim, R., Abdul Latiff, R., Yunos, N., Mansor, A.Z., & Abdul Khafiz, H. (2016). Persepsi Pelajar UKM Terhadap Hubungan Etnik di Malaysia. *Al-Hikmah*, 8 (2), 38-59.
- Mustapha, R., Azman, N., Karim, F., Ahmad, A.R., & Lubis, M.A. (2009). A Survey of Social Interaction Among Diverse Students in Malaysian Higher Learning Institutions. *International Journal of Learner Diversity*, 1 (1), 93-112.
- Osman, M.R. (2010). Peranan Kursus Pengajian Umum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah : Pengalaman UiTM. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 11, 49-61.
- Saili, S.A., Mohd Hussain, R.B & Mat Karim, K. (2018). Dialog Antara Etnik Sebagai Platform Meningkatkan Hubungan Sosial dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi : Satu Tinjauan Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3 (3), 92-103.
- Saleh, N.S., Rameli., N., Abdullah, M.H., & Rahman, R. (2019). Integrasi Etnik dalam Ideologi Pendidikan. *Journal of Techno Social*, 11 (2), 47-54.
- Sinopsis Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (UW 00202)*. (2020). Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB). Tidak diterbitkan.
- Sulaiman, S. (2013). Perpaduan Pelajar Pelbagai Etnik : Kehidupan Seharian Pelajar Program Diploma Tahun Dua, Sesi Pengajian 2012/2013, Universiti Malaysia Perlis. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Penyelidikan Sains Sosial, ICSSR 2013*. 4-5 Jun : 1600-1605.
- Wan Husin, W.N. (2012). *Peradaban dan Perkauman di Malaysia. Hubungan Enik Melayu-Cina*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Yaacob, Y., & Ahmad, R. (2019). Penerapan Kemahiran Insaniah Melalui Interaksi dan Integriti (2Icamp) Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Sunway Malaysia. *Practitioner Research*, 1, 127-154.